

## Soalan Objektif

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Tamadun awal bermula dan berkembang di kawasan lembah sungai.

1. Manakah antara berikut, adalah faktor tamadun awal bermula di lembah-lembah sungai?
  - I Kemudahan mendapatkan bekalan air dan makanan
  - II Kemudahan perdagangan
  - III Kemudahan perkapalan
  - IV Tanah yang subur untuk kegiatan pertanian

A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                     D III dan IV
2. Mengapakah Mesir dikatakan hadiah Sungai Nil?
  - A Sungai yang sesuai untuk pengangkutan
  - B Lumpur berwarna hitam yang subur untuk pertanian
  - C Sungai sebagai sumber makanan
  - D Sungai sebagai sumber protein
3. Dalam Tamadun Mesir Purba, terdapat dua tinggalan yang terkenal, iaitu
  - I Firaun
  - II Ramses
  - III Sungai Nil
  - IV Piramid

A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
4. Tamadun Indus terkenal dengan dua buah bandar terancang yang dibina oleh masyarakat dalam tamadun, iaitu
  - I Babylon.
  - II Mohenjo-Daro.
  - III Harappa.
  - IV Anyang.

A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
5. Manakah antara berikut, merupakan pusat pemerintahan bagi kerajaan Dinasti Shang dalam Tamadun Huang He?
  - A Anyang
  - B Luoyang
  - C Yangtze
  - D Zhengzou

6. Persamaan sistem tulisan dalam tamadun Indus dan tamadun Huang He ialah wujudnya tulisan

- A geometri  
B kuneiform  
C hieroglif  
D piktograf

Soalan 7 berdasarkan pernyataan di bawah.

Kod undang-undang Hammurabi

7. Manakah antara berikut, kandungan dalam kod undang-undang di atas?
  - A Membunuh
  - B Pertanian
  - C Hukuman
  - D Penipuan
8. Pilih padanan yang betul berkaitan sumbangan tamadun awal dalam binaan bangunan dan kemudahan.
  - I Tamadun Mesopotamia → Zigurat
  - II Tamadun Mesir Purba → Sfinks
  - III Tamadun Indus → Piramid
  - IV Tamadun Hwang He → Kolam mandi besar

A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
9. Pada pandangan anda, mengapakah masyarakat tamadun Mesopotamia mampu membina Taman Tergantung Babylon?
  - A Pemimpin yang berkuasa mutlak
  - B Kegigihan masyarakat
  - C Wujud pengkhususan kerja
  - D Kerjasama antara pemimpin dan masyarakat
10. Mengapakah wujudnya pengkhususan pekerjaan dalam kegiatan ekonomi masyarakat Tamadun Mesopotamia?
  - A Bilangan penduduk yang ramai
  - B Kemajuan ekonomi
  - C Lebihan hasil pertanian
  - D Kemajuan perdagangan